



KENYATAAN MEDIA

SEGERA

Respon Kepada Laporan Harian Metro 'LPT 2 Tagih Nyawa'



Merujuk kepada Laporan Harian Metro \pm LPT2 tagih nyawaq yang disiarkan pada 22 Jun 2015, Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM) ingin menjelaskan bahawa analisa mendapati kebanyakan kemalangan di Lebuhraya Pantai Timur Fasa II (LPT2) berlaku di jajaran lebuhraya yang lurus dan permukaan lebuhraya yang baik dan tidak beralun. Analisa juga mendapati faktor manusia seperti memandu dalam keadaan mengantuk, memandu melebihi hadlaju terutamanya diwaktu hujan, cuai serta gagal mematuhi arahan keselamatan sebagaimana yang telah ditetapkan adalah punca utama kemalangan di LPT2.

Menurut laporan sebanyak 339 kemalangan berlaku di jajaran LPT2 bermula dari Jabor hingga Kg Gemuroh, Kuala Terengganu antara 1 Februari 2015 hingga 2 Jun 2015. Daripada jumlah itu, 70 peratus (238 kemalangan) berpunca daripada faktor manusia seperti memandu dalam keadaan mengantuk, memandu melebihi hadlaju terutamanya diwaktu hujan, cuai serta gagal mematuhi arahan keselamatan sebagaimana yang telah ditetapkan. Selebihnya merupakan faktor persekitaran sebanyak 19 peratus (65 kemalangan) di mana terdapat pencerobohan haiwan ternakan seperti lembu dan kerbau serta haiwan liar ke dalam rezab lebuhraya serta terdapat lokasi air melintas dan

Dikeluarkan oleh:

Unit Perhubungan Awam, Bahagian Sumber Manusia dan Pentadbiran | Lembaga Lebuhraya Malaysia

☎ : 03- 8738 3000 / D.L :03-8738 2506 / 2691 / 2692 | 📠 : 03-87383555

🌐 Laman Web : www.llm.gov.my |  [Lembaga Lebuhraya Malaysia](https://www.facebook.com/LembagaLebuhrayaMalaysia) |  [@infotrafikllm](https://twitter.com/infotrafikllm)

✉ aduan@llm.gov.my

faktor kenderaan sebanyak 11 peratus (36 kemalangan). Daripada jumlah kemalangan tersebut terdapat 10 kemalangan maut, 25 kemalangan melibatkan cedera parah dan 58 kemalangan melibatkan cedera ringan dan selebihnya tiada melibatkan sebarang kecederaan.

Berdasarkan kepada statistik kemalangan tersebut pihak Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM) / Jabatan Kerja Raya (JKR) telah mengambil beberapa tindakan disepanjang lebuhraya bagi menangani permasalahan ini seperti:



- i) Meningkatkan kekerapan rondaan disepanjang lebuhraya oleh Peronda LPT2 bagi memantau pencerobohan haiwan ternakan masuk ke dalam rezab lebuhraya.
- ii) Membaikpulih pagar rezab lebuhraya yang rosak dimana banyak diantaranya di rosakkan dan di potong oleh pihak yang tidak bertanggungjawab.
- iii) Memasang Gegelung Dawai Berduri (Barbed Wire) di lokasi-lokasi yang sering dicerobohi lembu dan kerbau.
- iv) Memohon kerjasama semua agensi berkaitan seperti Pihak Majlis Daerah, Polis, Pegawai Daerah, Penghulu, Pengerusi Jawatankuasa Keselamatan Kampung, Pejabat Agama Daerah serta pihak Jabatan Veterina.
- v) Pihak LLM/JKR juga telah mengedarkan risalah-risalah kesedaran berkenaan pemantauan haiwan-haiwan ternakan kepada penduduk sekitar disepanjang LPT2.
- vi) Cadangan pemasangan Papantanda Amaran dilokasi kerap berlakunya pencerobohan haiwan.


Pihak LLM/JKR juga telah mengenalpasti beberapa lokasi kerap berlakunya kemalangan terutamanya di waktu hujan disepanjang LPT2 melibatkan lokasi air melintas dan kawasan selekoh untuk ditambahbaik. Antara cadangan penambahbaikan dilokasi-lokasi berkenaan adalah:

Dikeluarkan oleh:

Unit Perhubungan Awam, Bahagian Sumber Manusia dan Pentadbiran | Lembaga Lebuhraya Malaysia

☎ : 03- 8738 3000 / D.L :03-8738 2506 / 2691 / 2692 | 📠 : 03-87383555

🌐 Laman Web : www.llm.gov.my |  [Lembaga Lebuhraya Malaysia](https://www.facebook.com/llm.gov.my) |  [@infotrafikllm](https://twitter.com/infotrafikllm)

 aduan@llm.gov.my

- i) Menambahbaik permukaan pavemen menerusi penggunaan bahan-bahan khas seperti porous asphalt, micro surfacing, whisper grip, & vibra line.
- ii) Membaikpulih permukaan lebuh raya di lokasi-lokasi air melintas.
- iii) Memohon pihak Polis, JPJ dan SPAD dan agensi-agensi terlibat melaksanakan penguatkuasaan disepanjang LPT2

Justeru itu, langkah serta intervensi yang bersesuaian akan terus dilaksanakan di lokasi-lokasi strategik bagi membantu meminimalkan risiko dan sekaligus mengurangkan kadar kemalangan di LPT2.

Merujuk kepada dakwaan banyak lokasi jalan beralun, untuk makluman Projek LPT2 sepanjang 184 km dari Jabur ke Kuala Terengganu dibina pada tahun 2006 dan ia telah siap secara berperingkat, sebelum dibuka keseluruhannya kepada trafik pada 31 Januari 2015. Permukaan lebuh raya ini berada dalam keadaan yang baik secara amnya. Bagaimanapun, terdapat beberapa kawasan telah berlaku pemendapan terutamanya dikawasan berdekatan struktur jambatan (Bridge Approach) dan permukaan lebuh raya yang beralun di beberapa lokasi disepanjang jajaran lebuh raya.



Lokasi-lokasi berlakunya mendapan dan beralun tersebut sebahagiannya telah diperbaiki dan akan diperbaiki keseluruhannya dalam masa yang terdekat ini dimana kerja pembaikan tersebut adalah dibawah tanggungan pihak kontraktor asal kerana ianya masih dalam Tempoh Tanggungan Kecacatan (Defects Liability Period - DLP).


Ketua Pengarah
Lembaga Lebuhraya Malaysia
22 Jun 2015

Dikeluarkan oleh:

Unit Perhubungan Awam, Bahagian Sumber Manusia dan Pentadbiran | Lembaga Lebuhraya Malaysia

☎ : 03- 8738 3000 / D.L :03-8738 2506 / 2691 / 2692 | 📠 : 03-87383555

🌐 Laman Web : www.llm.gov.my |  [Lembaga Lebuhraya Malaysia](https://www.facebook.com/llm.gov.my) |  [@infotrafikllm](https://twitter.com/infotrafikllm)

 aduan@llm.gov.my